

13 SEP 1998

Komanwel-Mahathir (Tahniah)

MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA BOLING TENPIN

Oleh: Aziz Harun dan Azeman Ariffin

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada pasukan boling tenpin Malaysia yang berjaya memenangi pingat emas pertama negara dalam Sukan Komanwel ke 16 di sini, hari ini.

Katanya, atlit negara mesti terus menunjukkan kesungguhan untuk memenangi lebih banyak pingat.

"Kita harap kita akan dapat lagi," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perlawanan ragbi-tujuh-sebelah antara Malaysia dan Kenya di Stadium Petaling Jaya, dekat sini.

Malaysia merangkul pingat emas pertamanya menerusi Kenny Ang dan Ben Heng dalam bahagian regu lelaki acara boling tenpin di Pyramid Bowl, hari ini.

Kenny dan Ben mencatat 3,552 jatuhan pin bagi menewaskan Antoine Jones dan Conrad Lister dari Bermuda dengan 223 jatuhan pin manakala pasangan Australia Michael Muir dan Francis Ryan menduduki tempat ketiga dengan 3,229 jatuhan pin.

Terdahulu pada sebelah pagi, pasangan wanita Malaysia Lai Kin Ngoh dan Shalin Zulkifli meraih pingat perak tenpin boling setelah tewas kepada regu Australia Cara Honeychurch dan Maxim Nable.

Dr Mahathir berkata kesungguhan yang dipamerkan oleh atlit Malaysia membolehkan negara mendapat pingat dalam beberapa acara yang sebelumnya tidak dijangka akan diperolehi.

Kehadiran Dr Mahathir menyaksikan perlawanan ragbi Malaysia dan Kenya itu menyemarakkan lagi semangat pemain Malaysia yang menunjukkan kesungguhan tinggi untuk menundukkan Kenya 19-5.

Dr Mahathir kemudian turun ke padang diiringi Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia, Datuk Zaman Khan, dan bersalaman serta mengucap tahniah kepada pasukan Malaysia serta bergambar bersama mereka.

Sebelum menyaksikan perlawanan ragbi, Dr Mahathir menyaksikan acara tenpin boling di Pyramid Bowl di Bandar Sunway di sini. Beliau menyertai ratusan penyokong Malaysia memberi semangat kepada peserta negara.

Beliau menerima sorakan gemuruh apabila meninggalkan tempat duduk orang kenamaan untuk bersama-sama dengan para penyokong di tempat duduk awam.

-- BERNAMA

AZH AA zb